



Food trucks at Jalan Rimbunan Raya 1 in Kepong currently operate in two shifts – 10am to 6pm and 6pm to midnight. (Far left) Business owners at the Laman Rimbunan commercial area collecting signatures to send to DBKL, opposing the presence of the food trucks. – Photos: AZMAN GHANI/The Star

# Tension brewing between food trucks, businesses

## Shopowners in Kepong want DBKL to cancel food vendors' permits

By FARID WAHAB
faridwahab@thestar.com.my

BUSINESS proprietors at Laman Rimbunan in Kepong, Kuala Lumpur, want food trucks operating in the commercial area to leave.

The food truckers, however, argue that they have permission to run their business there.

The business proprietors at the shoplots are now collecting signatures to submit to Kuala Lumpur City Hall (DBKL), calling for the local authority to retract its approval for the food trucks to operate there.

Community activist Yee Poh Ping said the food trucks, which operate daily from 10am to midnight, were occupying the limited parking bays in the area.

"They operate in two shifts, morning and night, with two different associations managing them.

"Their presence is causing congestion and hassle among motorists who want to park," he said, adding that there were about 20 food trucks at any given time.

Poh Ping said he had complained to DBKL on Aug 8 last year, which led to a meeting in September to discuss the issue.

"We were told that the trucks would be allowed to operate for three months starting November.

"This means they must cease operations by the end of January.

"We want DBKL to discontinue the permit," he said.

When met at the site, Yee Hock Lai, who manages the food trucks, denied claims that they were causing traffic congestion.

"We collect a daily fee of RM25 for cleaning work and to pay Rela personnel to regulate traffic," he said, adding that the food truck operators were complying with DBKL's regulations.

A check by *StarMetro* at Jalan Rimbunan Raya 1 found a notice with a DBKL insignia saying there were two shifts — from 10am to 6pm, and 6pm to midnight.

Kuala Lumpur Food Truck Entrepreneurs Association chairman Muhammad Azlan Abas said rescinding the approval to the food vendors would exacerbate the traffic congestion.

"Even if DBKL retracted its approval, these trucks will still likely continue their operations here.

"At least now, their operations can be properly managed," Azlan said, adding that Poh Ping should instead highlight the problem of illegal vendors operating in the area.

In a Dec 18 *StarMetro* report, Azlan said DBKL was studying the feasibility of the location.

After having meetings with the surrounding residents associations and business owners, he said that only 20 trucks were allowed in one centralised spot.

He added that after January, they would see if improvements were needed at the site.

# Kesusahan Kasturi dapat perhatian

**PETALING JAYA** – Kehidupan sukar yang dilalui sepasang suami isteri yang menjadikan kawasan landasan transit aliran ringan (LRT) berdekatan Taman Aman di sini, sebagai tempat berteduh akhirnya mendapat perhatian apabila mereka akan dipindahkan ke lokasi yang lebih selesa.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr. Shahidan Kassim berkata, pihaknya telah menggerakkan satu pasukan untuk menemui pasangan itu semalam sejurus mendapat maklumat daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

"Hasil maklumat mendapati keluarga berkenaan berada di kawasan Petaling Jaya dan pihak Baitulmal serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) juga telah datang untuk membantu.

"Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sebelum ini ada menawarkan rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) serta peluang berniaga di sekitar ibu negara," katanya.

Bagaimanapun tambahnya, keluarga terbabit memilih untuk menyewa di Kapar dan kos sewaan itu diuruskan oleh pihak Baitulmal.

Terdahulu, seorang pengguna Facebook berkongsi mengenai kehidupan seorang lelaki dikenali sebagai Kasturi yang tinggal di bawah jambatan LRT di Taman Aman, Petaling Jaya kerana tidak mampu membayar sewa selepas diberhentikan kerja.

Lebih menyedihkan, isterinya yang sakit juga tidak dapat meneruskan rawatan di hospital kerana mengalami masalah kewangan.




**KASTURI terpaksa menjadikan kawasan di bawah landasan LRT di Taman Aman, Petaling Jaya sebagai tempat berteduh ekoran kesempitan hidup.**

STARMETRO, WEDNESDAY 19 JANUARY 2022

# Multistorey carpark mooted for PPR Seri Anggerik

## FT Ministry studying proposal to alleviate residents' parking woes

By FARID WAHAB
faridwahab@thestar.com.my

FEDERAL Territories Ministry will study a proposal to build a multistorey carpark at a vacant lot next to the Seri Anggerik people's housing project (PPR) in Jalan Kelang Lama.

Its minister Datuk Seri Shahidan Kassim said this was to deal with the lack of parking space among residents in the area.

"We are looking at building two or three levels for the parking complex to accommodate more vehicles.

"The details on the number of bays and completion date will be ironed out by Kuala Lumpur City Hall (DBKL)," he said.

He added that the project would include the construction of 10 shoplots.

Shahidan was met after a visit to the housing project site to inspect an adjacent lot yesterday. Also present was Kuala Lumpur mayor Datuk Seri Mahadi Che Ngah.

The lot is currently being used as a parking area by residents because of insufficient space inside the PPR flats compound, where double-parking is common.

The single-block low-cost housing project consists of 17 floors, with each floor having 20 units.

On a related matter, Shahidan said his ministry was working with DBKL to identify a suitable site to build a *surau* for the community here.

"We will discuss this matter with the Islamic Development Department and the Federal Territories Islamic Religious Council.

"We will explore options on how to raise funds for this project," he said, adding that the matter would be given top priority.

Separately, Shahidan said he would announce next week the details for the plan to gazette retention ponds in Kuala Lumpur.

"Work is underway. If people want to speculate on social media, let them be," he said.

This issue emerged after Segambut MP Hannah Yeoh claimed that six retention ponds were alienated for development between October 2015 and September 2020.

Malaysian Anti-Corruption Commission, on Jan 8, ordered DBKL to appoint a surveyor to measure the actual land size set aside for the development.

Shahidan said DBKL had awarded the tender for the survey work and would announce the findings soon.

Later, the minister also visited the ongoing PPR Sri Pahang redevelopment project in Lorong Maarof, Bangsar, but left without speaking to the media.



Shahidan (wearing songkok) during his visit to the construction site in Lorong Maarof, Bangsar, to check on the progress of the Sri Pahang PPR redevelopment project.

Berita Harian • 19/1/22 (Rabu) • pg: 9

# DBKL lantik Kumpulan Ikram jadi perunding kaji 2 runtuhan cerun

**Kuala Lumpur:** Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melantik Kumpulan Ikram Sdn Bhd sebagai pakar perunding bagi menjalankan kajian awalan dan pemantauan di dua lokasi runtuhan cerun di ibu kota, iaitu Kondominium Sri Duta 1 dan Kondominium Bangsar Indah, di sini.

Unit Media Jabatan Perancangan Korporat DBKL memaklumkan, mengikut status kajian pakar perunding, Kondominium Sri Duta 1 mengalami pergerakan tanah yang memberi kesan kepada struktur bangunan hingga menyebabkan 'column' dengan dinding bangunan terpisah.

Selain itu, berlaku retak tegangan (surface tension cracks) di beberapa permukaan tanah, selain keretakan di bawah lantai.

"Di Kondominium Bangsar Indah pula, Kumpulan Ikram Sdn Bhd mencadangkan penyelesaian sementara dan DBKL mengarahkan kontraktor berpenggal cerun untuk melakukan kerja pembaikan dan mengambil pendekatan semburan konkrit bagi mengukuhkan cerun.

"Beberapa batang pokok condong yang tidak lagi kuat dan berkemungkinan tumbang di Kondominium Bangsar Indah, kini masih ditebang bagi memastikan gelongsoran tanah tidak berulang dan penduduk sentiasa dalam keadaan selamat," kata DBKL dalam dalam kenyataan semalam.

Runtuhan cerun di Kondominium Sri Duta 1 dan Kondominium Bangsar Indah, Disember lalu disebabkan hujan lebat berterusan di Lembah Klang.

Menurut kenyataan itu lagi, setakat ini, kerja pembaikan sementara di Kondominium Sri Duta 1 sudah dijalankan kontraktor dilantik badan pengurusan kondominium berkenaan, membabitkan pengalihan aliran air permukaan dan semburan konkrit (shortcrete).

Ia dilakukan bertujuan mengukuhkan cerun di kondominium terbabit dan cadangan pembaikan kekal akan dikeluarkan perunding dilantik perbadanan pengurusan dengan kerja merekabentuk pembaikan kekal masih dalam proses tindakan pihak perunding.

"Di Kondominium Bangsar Indah, kerja pembaikan sementara masih dijalankan, membabitkan beberapa proses pembersihan sisa runtuhan. Ia termasuk mengadakan saliran baharu untuk aliran air hujan, pembersihan bongkah konkrit tergantung di tengah cerun dan pembersihan rumah yang terkesan susulan kejadian tanah runtuh terbabit.

"Satu lagi sesi libat urus akan diadakan bersama penduduk selepas kerja pembaikan sementara siap sepenuhnya yang dijangka dalam tempoh sebulan," katanya.



*Gambar fail menunjukkan runtuhan cerun di Kondominium Sri Duta 1 pada 27 Disember lalu disebabkan hujan lebat berterusan di Lembah Klang.*

# DBKL sedia rumah transit

**Kuala Lumpur:** Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan menyediakan rumah transit yang dilengkapi dengan bekalan air dan elektrik kepada dua keluarga yang terlibat dalam kebakaran di perumahan awam di Setapak Jaya di sini kelmarin, selewat-lewatnya hari ini.

Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Mahadi Che Ngah berkata buat masa ini kesemua mangsa ditempatkan secara sementara di Dewan Persatuan Penduduk Setapak Jaya 1A.

"Saya telah hadir ke lokasi kebakaran dan berjumpa dengan mangsa yang terlibat. Rumah transit itu akan disediakan di lokasi yang berhampiran dengan kediaman sedia ada bagi memudahkan keluarga yang terlibat untuk hadir ke tempat kerja dan ke sekolah.

"Selain itu, DBKL juga memberikan sumbangan RM500 kepada setiap keluarga yang terlibat," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Menurut Mahadi insiden yang menimpa dua keluarga berkenaan juga telah dilaporkan kepada Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Dr Shahidan Kassim.

Harian Metro . 19/1/22 (Rabu) . Pg: 6

Harian metro • 19/1/22 (Rabu) • pg: 8

Oleh Hajar Umira Md Zaki
am@hmetro.com.my

DUA KONDO TERKESAN TANAH RUNTUH

# Gerakan tanah bawah premis

**Kuala Lumpur**

Kumpulan Ikram Sdn Bhd (Ikram) mendapati terdapat perubahan struktur bangunan dan meneruskan kerja pembersihan di Kondominium Sri Duta 1 dan Kondominium Bangsar Indah yang terkesan susulan tanah runtuh, baru-baru ini.

Ia sejurus perlantikan daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kepada syarikat itu sebagai pakar perunding dalam menjalankan kajian awal dan pemantauan ke atas cerun runtuh di kondominium terbabit.

DBKL dalam kenyataan berkata, Kondominium Sri Duta 1 mengalami pergerakan tanah yang memberi kesan kepada struktur bangunan.

"Antara tanda berlakunya pergerakan tanah iaitu *column* dengan dinding terpisah dan *surface tension cracks* di beberapa permukaan tanah dan keretakan di bawah lantai.

"Sehubungan dengan itu, kerja pembaikan kini dijalankan kontraktor dilantik Badan Pengurusan Kondominium Sri Duta 1 yang membabitkan pengalihan aliran air dan semburan konkrit," katanya.

Menurut kenyataan itu, cadangan pembaikan kekal di kondominium itu bakal dikeluarkan perunding yang dilantik pengurusan perbadanan dan kerja mereka bentuk pembaikan kekal masih dalam proses tindakan pihak perunding.

Sementara itu, kerja pembaikan sementara masih dijalankan di Kondominium Bangsar Indah susulan runtuhan cerun dan beberapa pokok tumbang.

"Ia termasuk proses pembersihan sisa-sisa runtuhan, mengadakan saliran baru untuk aliran air hujan, pemotongan pokok condong, pembersihan bongkah konkrit tergantung di tengah cerun dan pembersihan rumah yang terkesan.

"Justeru, pihak Ikram menyediakan cadangan penyelesaian sementara dan kami turut mengarahkan kontraktor berpenggal cerun supaya melakukan kerja pembaikan dan semburan konkrit untuk mengukuhkan cerun," katanya.



KEADAAN Kondominium Sri Duta 1 yang terjejas akibat tanah runtuh.